DAPUR ISTANA BANDAR

Istana Bandar dikenali juga sebagai "Bandar Temasya" kerana dikatakan pada zaman pemerintahan Sultan Allaeddin Sulaiman Shah, Baginda suka mengadakan "temasya" atau majlis keraian untuk menjamu rakyat jelata. Oleh kerana itulah terdapat dapur masak yang diperbuat daripada batu dan simen mempunyai lubang-lubang dapur bersaiz besar yang membuktikan pada zaman dahulu istana selalu memasak dalam kuantiti yang besar.



DAPUR YANG DIPERBUAT DARIPADA BATU & SIMEN, MEMPUNYAI 4 LUBANG DAPUR YANG BERSAIZ BESAR. DAPUR INI MENGGUNAKAN KAYU API YANG DIMASUKKAN DARI BAWAH



RUANGAN INI MERUPAKAN DEWAN MAKAN TERBUKA YANG BERHADAPAN DENGAN BLOK DAPUR & PEJABAT SULTAN. DIGUNAKAN SEBAGAI RUANG SANTAPAN BERSAMA RAKYAT JELATA.